

HRW: Malaysia perlu henti guna ISA selari janji Najib
The Malaysian Insider
22 November , 2011

KUALA LUMPUR, 22 Nov — Human Rights Watch menghantar surat kepada Datuk Seri Najib Razak menggesa agar berhenti daripada menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ekoran penahanan 13 orang di Sabah minggu lalu meskipun berjanji mahu memansuhkan undang-undang tersebut.

“Penahanan seramai 13 orang di bawah ISA menunjukkan bahawa tindakan (menggunakan akta itu) masih berjalan seperti biasa di Malaysia apabila hendak memijak hak asasi suspek,” kata Timbalan Pengarah Human Rights Watch rantau Asia, Phil Robertson dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Sehubungan itu kata beliau, Perdana Menteri seharusnya menghormati janji dibuat September lalu mahu memansuhkan ISA jika pendekatan pembaharuan beliau mahu diambil serius.

Katanya, tanggungjawab Malaysia dalam menyediakan sekuriti kepada penduduknya perlu konsisten dengan standard hak asasi manusia antarabangsa.

Oleh itu kata beliau, jika ada bukti kesemua 13 tahanan terbabit terlibat dalam kesalahan jenayah, mereka perlu dibawa ke mahkamah dan diberi peluang perbicaraan yang adil.

“Jika tidak cukup bukti untuk mendakwa mereka dengan kesalahan khusus, maka mereka harus dibebaskan segera dan tanpa syarat,” katanya lagi.

“Malangnya, penguat kuasa undang-undang Malaysia kelihatan sudah ketagih dengan kuasa mereka di bawah ISA untuk menahan suspek tanpa tuduhan jenayah dan menahan mereka tanpa dibicara,” kata Robertson.

Semalam, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata undang-undang baru yang akan menggantikan ISA tetap mengekalkan amalan penahanan tanpa perbicaraan.

Menurut Hishammuddin, amalan itu perlu untuk memerangi kegiatan militan dan keganasan.

Beliau memberikan contoh beberapa negara yang menguatkuasakan amalan itu sebagai salah satu elemen memerangi keganasan antaranya melalui Patriot Act di Amerika Syarikat dan Anti-Terrorism Act di United Kingdom dan Australia.

“Seperti Patriot Act, seperti Anti-Terrorism Act, yang semuanya (negara itu) memperjuangkan hak asasi manusia, dan mereka sedar dalam berurusan dengan militan dan keganasan, mereka perlu mempunyai akta sedemikian.

“Malahan terdapat beberapa rakyat Malaysia yang sedang ditahan di kem tahanan di Guantanamo tanpa perbicaraan selama beberapa tahun . . . kerana mereka telah ditahan

oleh pihak berkuasa AS. Jadi, jangan bersikap berat sebelah dan kita tidak mahu bersikap hipokrit dalam perkara ini," katanya.

Malaysia juga belajar daripada pengalaman negara-negara lain yang telah menghapuskan akta-akta sedemikian tanpa berfikir panjang dan akhirnya padah menimpa mereka, katanya.

Pada 15 September lepas, Najib pada perutusan khas Hari Malaysia mengumumkan ISA akan dimansuhkan dan dua undang-undang baru yang sesuai akan digubal bagi memelihara keamanan, kesejahteraan, kesentosaan serta kerukunan hidup rakyat dan negara.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hrw-malaysia-perlu-henti-guna-isa-selari-janji-najib/>